

04/04/1998

Malapetaka akan berlaku di rantau Balkan

KUALA LUMPUR, Jumaat - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengingatkan bahawa tindakan agresif dan perseteruan kepemimpinan Serbia di Belgrade boleh membawa kepada `malapetaka besar' di Kosovo dan seluruh rantau Balkan.

Perdana Menteri berkata, adalah sesuatu yang amat memalukan jika dunia membiarkan keadaan di Kosovo bertambah buruk sehingga ia menjadi satu lagi Bosnia-Herzegovina.

Peringatan Dr Mahathir itu terkandung dalam buku program forum `Perundingan mengenai Kosovo' yang dirasmikan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, di sini, hari ini.

Lebih 200 orang terdiri daripada diplomat, ahli politik, akademik dan aktivis sosial menghadiri forum di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) itu.

"Walau apa jua anggapan terhadap perjuangan orang keturunan Albania yang terdiri daripada 90 peratus penduduk Kosovo itu, tindak balas kepemimpinan Serbia sudah membangkitkan kemarahan dunia," katanya.

Pihak tertentu seperti Kesatuan Eropah, Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) dan Majlis Keselamatan Bangsa-Bangsa Bersatu semuanya menuntut supaya kepemimpinan Serbia menamatkan kekerasan di Kosovo.

(END)